



PENGUMUMAN

PENANGGUHAN KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS UNTUK SESI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN SECARA BERSEMUKA (KOMPONEN PRAKTIKAL) BAGI FASA 2 SESI DISEMBER 2020

Merujuk kepada kenyataan media Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak Bilangan 118/2021 bertarikh 28 April 2021 berkaitan penutupan Institusi Pendidikan di kawasan zon yang berstatus merah dan pengumuman rasmi Politeknik Kuching Sarawak (PKS) bertarikh 15 Februari 2021 berkaitan kemasukan pelajar ke kampus PKS Sesi Disember 2020, adalah dimaklumkan bahawa kemasukan pelajar ke kampus untuk sesi Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) **secara bersemuka (komponen praktikal)** bagi Fasa 2 yang dijadualkan pada **17 Mei 2021** dan **18 Mei 2021** adalah **ditangguhkan** ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Walau bagaimanapun sesi PdP akan diteruskan secara dalam talian.

Pengumuman ini **adalah tertakluk kepada perubahan terkini yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa dalam portal dan media rasmi PKS**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Ketua Jabatan Akademik atau Penasihat Akademik (PA) masing-masing untuk keterangan lanjut.

Pengarah
Politeknik Kuching Sarawak
30 April 2021